



FPEP UMS tandatangan Lol bersama Deru Selat Ekspidisi

UM 10.11.2019 20

KOTAKINABALU: Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan jalinan kerjasama bersama Deru Selat Ekspidisi Resources Sdn. Bhd,

MOU: Majlis menandatangani Surat Niat (LoI) antara kedua belah pihak berlangsung di Bilik Mesyuarat Eksekutif FPEP UMS berkenaan.

sebuah syarikat berteraskan pelancongan sukan yang beroperasi di Sabah.

Majlis menandatangani Surat Niat (LoI) antara kedua belah pihak berlangsung di Bilik Mesyuarat Eksekutif FPEP UMS, di sini kelmarin.

FPEP dalam kenyataan memaklumkan, LoI itu antara lain bertujuan mewujudkan kerjasama dengan FPEP dalam penganjuran

program pelancongan berasaskan sukan yang berkonsepkan acara renang di perairan terbuka (open water swimming) pada Februari 2020.

“Antara objektif lain LoI itu adalah bagi mendapatkan pensijilan laluan tetap renang (fixed swimming route) bersama agensi kerajaan yang terlibat, perkongsian ilmu, serta bekerjasama dalam pembangunan pelan-

congan sukan.

“Ia termasuk peluang latihan kepada bakal graduan serta pekerjaan dalam industri pelancongan berasaskan sukan,” demikian menurut kenyataan itu lagi.

Majlis menandatangani LoI disempurnakan Dekan FPEP UMS, Prof. Madya Dr. Raman Noordin dan Pengarah Urusan Deru Selat Ekspidisi, Norazmin Abdul Aziz.